

Tiket ke Ijazah Sarjana Muda

Oleh ALFRED PETRUS

► 295 pelajar terima Sijil Asasi Sains UMS

UB 26.9.2016 81

SERAMAI 295 pelajar Asasi Sains dari Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dianugerahkan Sijil Asasi Sains, kelmarin.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata ia adalah sebagai tiket untuk pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

"Selain penganugerahan sijil kepada 295 pelajar Asasi Sains, majlis hari ini juga memeriahkan para penerima Anugerah Khas Asasi Sains UMS.

"Sijil Asasi Sains yang akan dianugerahkan kepada setiap pelajar yang berjaya sememangnya satu nilai yang tinggi kerana sijil inilah sebagai tiket kepada mereka untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di UMS," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Penyampaian Sijil Asasi Sains ke-6 PPST di Kota Kinabalu, kelmarin.

Teks ucapan disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Profesor Dr D Kamarudin D Mudin.

Harun berkata ilmu dan budaya ilmu adalah penting dalam proses pembangunan diri, organisasi, negara dan tamadun.

Daripada itu katanya, pendidikan dan penghayatan ilmu perlu sentiasa dimantapkan sepanjang hayat.

"Sepanjang pengajian di Asasi Sains, para pelajar berkesempatan memimba ilmu dan bersama-sama menghayati resam komuniti ilmuwan yang pastinya merangsang kreativiti dan menajana inovasi.

"Dalam apa juga bidang yang bakal diceburi kelak, hendaklah menunjukkan nilai-nilai kecemerlangan dari segi personaliti dan kemampuan berinteraksi dengan masyarakat," katanya.

Harun berharap ilmu dan pengalaman yang digarap semasa pelajar berada di PPST dapat dimanfaatkan dalam kehidupan seharian mereka.

"Kejayaan yang diperolehi bukan sahaja untuk merebut peluang melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda, tetapi juga dapat dimanfaatkan kepada masyarakat sekeliling untuk kelestarian kehidupan," jelasnya.

Beliau berkata melalui tinjauan kemajuan yang dicapai dalam bidang sains dan teknologi dalam negara, bidang berkenaan semakin pesat peningkatannya.

"Segala daya usaha kerajaan memberi penekanan dalam bidang sains dan teknologi telah menampakkan hasil yang amat membanggakan dan kerajaan sentiasa meneruskan komitmen untuk memajukan bidang sains dan teknologi negara dengan menyediakan dana penyelidikan dan pembangunan yang berpatutan.

hawa untuk menjadi sebuah negara yang berdaya saing tinggi memerlukan lebih ramai sumber tenaga manusia yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi, kreatif dan berinovasi.

"Sebab itulah, setiap tahun UMS berusaha untuk menambah bilangan pelajar dalam bidang sains dan teknologi serta dijangka sebanyak 60 peratus pelajar ijazah pertama akan mengambil jurusan sains," katanya.

Beliau percaya melalui penambahan graduan jurusan sains dan teknologi setiap tahun, aspirasi untuk menjadi sebuah negara maju yang menekankan usaha ke arah melahirkan masyarakat berliterasi serta membudayakan sains dalam setiap dimensi kehidupan akan mampu tercapai.

"Dari-pada itu, saya me-

keayaan itu amatlah indah, tetapi untuk mencapai sebuah keajaan itu bukannya mudah dan berguruhl pada yang hebat dan pakar," katanya ketika menyampaikan ucapan kepada penerima sijil Asasi Sains, kelmarin.

Sazmal berkata sejajar dengan hasrat membantu universiti dan negara melahirkan lebih ramai graduan dalam bidang sains dan teknologi, jumlah pelajar Asasi Sains keluaran PPST adalah seramai 1,202 orang bermula pengambilan pelajar sesi 2010 sehingga kini.

"Ini bermaksud, jumlah inilah juga yang telah disediakan kepada universiti untuk mengikuti program-program ijazah sarjana muda UMS.

"Kami yakin dan percaya dengan sokongan padu daripada pihak universiti, PPST mampu mencapai angka lebih tinggi dalam menyediakan pelajar untuk mengikuti pengajian dalam jurusan sains dan teknologi.

"Sememangnya, PPST amat komited melahirkan generasi yang akan meneruskan perjuangan dalam bidang sains dan teknologi khususnya sejajar dengan keperluan negara pada masa kini dan masa akan datang," katanya.

Beliau menasihatkan kepada pelajar untuk mencontohi tokoh-tokoh sains yang tidak asing lagi di mata dunia kerana mereka yang akan membela tanah air tercinta suatu hari nanti.

Penerima

an Kimia dan Industri berasa bersyukur kerana memperoleh bidang pengajian yang betul-betul diminati.

Beliau berharap dapat melakukan yang terbaik seterusnya mencapai kecemerlangan yang lebih besar berbanding sekarang.

Zaleha yang berasal dari Beaufort bukan sahaja aktif dalam bidang pembelajarannya tetapi juga dalam aktiviti luar sebagai sukarelawan.

"Sekarang saya menyertai Su-

karelawan Yayasan Dana Kebajikan UMS, jadi saya ter-

"Dalam sehari itu, kita mesti letakkan aktiviti yang kita akan lakukan dan letakkan dalam spesifik masa supaya kita dapat belajar

macam mana untuk mendisiplinkan diri dengan masa kita," katanya.

Beliau yang bercita-cita sebagai seorang penyarah melihat bidang pengajiannya lebih mencabar daripada zamam asasi namun tetap berusaha untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran bidangnya.

Zaleha menasihatkan kepada mereka yang bakal dan sedang menuntut dalam bidang asasi itu agar tidak takut dengan cabaran.

"Teruskan usaha walaupun mungkin dulu kita pernah jatuh tapi jadikan kegagalan itu sebagai batu loncatan untuk lebih cemerlang pada masa akan datang," katanya.

Penerima

Anugerah Pengarah (Asasi Sains UMS) Mohd Helmie Janong pula berkata walaupun beliau salah seorang daripada ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Asasi UMS, ia tidak menjadi beban tugas sebagai satu penghalang untuk berjaya.

"Sebelumnya, kami pernah menghasilkan Magnetic Shock Absorber (MSA) yang menggantikan alat sedia ada dalam kereta menggunakan magnet.



KAMARUDDIN (tengah) menyampaikan sijil Asasi Sains kepada salah seorang pelajar PPST sambil diperhatikan oleh Sazmal (kiri) pada majlis berkenaan.



ZALEHA


nyeru kepada pelajar sekalian agar terus menanam minat terhadap bidang sains dan teknologi serta bertekad dan bersemangat menjadi sebahagian daripada nadi penggerak ke arah mencapai matlamat negara.

"Buktikan kepada dunia bahawa para pelajar juga merupakan antara penyumbang kepada pembangunan sains dan teknologi bukan sahaja di Malaysia, malahan di seluruh dunia," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Persediaan Sains dan Teknologi Profesor Madya Dr Sazmal Effendi Arshad berkata tiada keajaan yang datang tanpa usaha yang gigih dan bagi memperoleh kecemerlangan dalam apa sahaja bidang, para pelajar juga perlu menanam mempunyai sekurang-kurangnya lima kekuatan diri.

"Pelajar perlu sentiasa positif terhadap kehidupan, kerjaya dan negara, komited terhadap tugas serta tanggungjawab, sentiasa berada dalam landasan kebenaran dan berintegriti, sentiasa bersedia untuk meningkatkan jati diri dan kemahiran, serta tekun memimba ilmu biarpun sudah berada di peringkat lebih tinggi.

"Sesungguhnya, memiliki



JOUBERT

libat dengan badan bukan kerajaan (NGO) yang turun padang untuk berbakti kepada masyarakat.

"Walaupun sibuk dengan aktiviti luar, saya cuba mendisiplinkan diri dengan membuat jadual harian untuk memastikan pembelajaran saya tidak ketinggalan.

HELMIE



paian ini dapat memperlihatkan bahawa tugas sebagai seorang ahli MPP tidak sama sekali menghalang untuk saya lebih berjaya," katanya.

Sementara itu, Shazlin Ma Abrihim @Ibrahim yang berasal dari Keningau menerima anugerah Pelajar Harapan yang kini salah seorang pelajar di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS berasa bangga dapat menghabiskan pengajian di peringkat asasi dengan cemerlang.

"Walaupun pada mulanya pencapaian kurang membanggakan, tetapi setiap semester saya memperbaiki dan memperlihatkan peningkatan yang ketara.

"Selain daripada belajar, saya banyak mengikuti aktiviti kesukarelawan untuk mengim-

bangkan kehidupan pembelajaran dan juga sosial demi mencapai kecemerlangan seperti

hari ini.

"Saya berbangga apabila mendapat tawaran dalam bidang yang saya minati serta ia juga salah satu keajaan untuk kedua ibu bapa saya," katanya ketika ditemui *Utusan Borneo*.

Katanya perubahan adalah bidang yang diminati sejak kecil lagi dan akan lebih berusaha walau apa sekalipun cabaran mendatang.

Pelajar Kejuruteraan Mekanikal UMS Joubert Joisin yang dianugerahkan sebagai Pelajar Berdikikasi berasa teruja apabila berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

"Saya berasa teruja dan juga takut kerana pada tahap ini, kita tahu lingkungan persaingan kini agak besar dan tinggi kerana keputusan yang lebih tinggi adalah lebih baik.

"Namun, pendekatan untuk mendapatkan keputusan yang tinggi sahaja bukan menjadi satu ukuran kerana kepentingan untuk lulus dalam satu-satu kelayakan itu melalui kepimpinan juga," jelasnya.

Joubert yang berasal dari Kiulu

berkata kedua-dua faktor berkenaan seharusnya seimbang untuk menjadikan diri lebih berjaya.

SHAZLIN

